

# THE TITAN



8 MEI 2022 | BIL: 07  
[www.richworks.com](http://www.richworks.com)

RICHWORKS™

Di Sini Lahirnya  
Usahawan Jutawan

*Industry View*  
INDUSTRI  
COKLAT  
MALAYSIA

CHOCODAP'S  
BINA  
EMPAYAR  
COKLAT  
LOKAL

TICER MAY SARAH  
& TN FARHAN  
ZAINUDIN,  
PENGASAS FS MEGA  
WORLD SDN. BHD



# PERNAH BERDEPAN MASALAH KEWANGAN

Saat paling sukar adalah sewaktu kami sedang mulakan kehidupan berumah tangga. Meskipun saya berjawatan guru, namun, lebih 50 peratus gaji saya habis untuk membayar hutang ibu dan ayah."

"Kami tiada wang simpanan, segala perbelanjaan perlu dikawal ketat. Kehidupan di bandar dengan anak-anak yang masih kecil, kos tadika, taska, minyak, tol, sewa rumah, kereta dan lain-lain."

"Setiap kali nak raya mesti habis segala duit simpanan. Dengan kadar pendapatan kami sebegini, kami sedar bahawa tak mungkin boleh capai impian kami," kata May Sarah Meor Mohamad atau dikenali Ticer Sarah membuka perbualan tentang kisah hidupnya yang pernah bergelut dengan masalah kewangan.

Ticer Sarah merupakan pengasas FS

Mega World Sdn. Bhd bersama suaminya, Mohamad Farhan Mohamad Zainuddin yang memperkenalkan jenama Chocodap's ke dalam landskap pemasaran coklat di negara ini.

Walaupun memiliki pekerjaan tetap sebagai guru, menurut Ticer Sarah, gaji sebulannya itu tidak cukup untuk menampung kehidupan mereka sekeluarga apatah lagi dengan dua cahaya mata yang mereka miliki pada ketika itu.

"Sejak kecil mak ayah saya bermiaga kedai makan. Sakit-sakit pun tetap buka kedai. Kalau tak buka kedai, macam mana nak hidup? Siapa nak tanggung makan pakai anak-anak. Ketika inilah baru saya sedar betapa bergelutnya mereka dalam membesarakan kami tiga beradik. Mereka terpaksa bekerja walaupun tidak sihat sebab kalau tak masuk kedai, maka tak ada lah pendapatan mereka."



TEAM CHOCODAP'S

"Saya ingat lagi, mereka bangun awal setiap hari. Seawal pukul 3 pagi mereka sudah mula memasak dan setelah pulang ke rumah, masih terpaksa pula buat persediaan bahan hingga jam 11 malam untuk dimasak pada awal pagi kesokan harinya," cerita Ticer Sarah lagi.

Katanya, walaupun ibu dan ayahnya bermiaga siang dan malam, tetapi pendapatan itu masih tidak mencukupi sehingga mendesak ayahnya menggunakan kad kredit untuk menampung pendidikan beliau dan adik-beradiknya yang lain.

"Saya hanya dapat tahu apabila sudah memasuki universiti dan umur mereka pula kini semakin lanjut. Hutang pula masih banyak sehingga mereka masih perlu bekerja keras demi untuk membayarnya," jelasnya.

## BIG WHY UNTUK TRANSFORMASI KEHIDUPAN

Menyedari jerih payah kedua orang tuanya itu

berkorban untuk mereka adik-beradik, hal itu telah mendorong Ticer Sarah untuk memasang azam agar bangkit membantu ibu bapanya sejurus tamat pengajian.

"Saya rasa sudah tiba masanya untuk saya pula bertanggungjawab membantu mereka. Tapi untuk membantu dan memberikan mereka kebahagiaan, saya takde pilihan lain selain daripada saya sendiri perlu berjaya," ujarnya.

## PENGLIBATAN RICHWORKS

Menyentuh penglibatan mereka dengan program RichWorks, Ticer Sarah memberiha bahawa suaminya, Farhan sebenarnya telah terlebih dahulu menyertai program Intensif Kekayaan dan Kejayaan (IMKK) dengan tujuan untuk membantu perniagaan ibu mertuanya yang mengusahakan tadika (taman didikan kanak-kanak).

Beliau dan suami pada mulanya turut ingin

**KAMI JUGA BANYAK MENIMBA ILMU  
DARIPADA RAKAN-RAKAN TITAN. CIRCLE  
INI JUGA MEMPUNYAI PEMIKIRAN YANG  
POSITIF, TIDAK KIRA BAGAIMANA BESAR PUN  
CABARAN DAN DUGAAN YANG MELANDA.  
SECARA TIDAK LANGSUNG IA JUGA  
MEMBANTU KAMI UNTUK KEKAL POSITIF DAN  
KEKAL FOKUS DALAM MATLAMAT KAMI.”**

membuka sebuah tadika, tetapi hasrat itu tidak menjadi. Sebaliknya, mereka menjalankan perniagaan yang melibatkan produk coklat.

“Ini pun sebab kawan kami yang kenalkan dengan coklat tersebut. Bila dah rasa coklat tu, jatuh cintalah pulak. Di sinilah titik perubahan kami bermula apabila suami cuba mempraktikkan ilmu yang telah dipelajarnya di program IMKK.

“Semasa mengikuti program IMKK itu, cara suami berfikir tentang perniagaan telah berubah 360 darjah dan beliau begitu bersemangat kerana dalam program itu terdapat usahawan-usahawan muda yang telahpun berjaya membuat jualan jutaan ringgit. Di sitolah datangnya keyakinan untuk berniaga dengan bersungguh-sungguh,” katanya.

Tanpa diduga, idea Ticer Sarah dan Farhan untuk mengusahakan perniagaan coklat nampaknya telah mendapat sambutan yang sangat

menggalakkan apabila ramai kenalan terdekat mereka mula menghubungi dan membuat pesanan.

“Mula-mula tu kami nak jual pada kawan-kawan pejabat sahaja. Tapi ramai sangat yang menempah dan berpuluh-puluh peket telah berjaya dijual. Walhal, kami tak payah cakap berjela-jela pun untuk yakinkan pelanggan.”

“Apa yang kami buat hanyalah bagi mereka sample dan mereka sendiri boleh rasa perbezaan kualiti produk kami berbanding yang dijual di pasaran luar,” ujarnya.

Ketika ditanya tentang detik paling sukar yang terpaksa mereka suami isteri harungi, Ticer Sarah memberitahu, saat paling sukar ialah semasa mereka berada di awal perniagaan.

Pasangan merpati sejoli itu sebenarnya tidak mendapat restu daripada ibu bapa semasa mereka menyatakan hasrat untuk melakukan lebih serius perniagaan tersebut.



KILANG CHOCODAP'S DI SENDAYAN.

"Konflik itu memaksa kami berdua berpindah keluar dari rumah ibu bapa kerana kami nekad mahu meneruskan perjuangan menjalankan perniagaan tersebut. Segala-galanya hanya kami berdua yang uruskan."

"Bila ramai orang membeli, Alhamdulillah. Tapi ada juga hari-harinya yang kami tiada jualan. Lebih teruk, bila lif rosak, kami terpaksa memikul coklat turun naik dari rumah di tingkat lapan," ceritanya dengan panjang lebar.

## APA RICHWORKS BANTU CHOCODAP'S

Mengulas kembali mengenai program RichWorks yang mereka sertai, Ticer Sarah menjelaskan, dari syarikat itulah sebenarnya bermula impian mereka untuk membina perniagaan.

"Di sitolah kami belajar cara berniaga yang sebenar dan kami berjaya mencapai jualan yang mencecah nilai satu juta yang pertama. Menyertai Circle Titanium pula telah membuat kami lebih yakin untuk mencapai sasaran jualan yang lebih besar. Ini kerana ada rakan-rakan lain yang berjaya membuat jualan yang lebih tinggi."

"Kami juga banyak menimba ilmu daripada rakan-rakan Titan. Circle ini juga mempunyai pemikiran yang positif, tidak kira bagaimana besar pun cabaran dan dugaan yang melanda. Secara tidak langsung ia juga membantu kami untuk kekal positif dan kekal fokus dalam matlamat kami," terang Ticer Sarah.

## PENCAPAIAN CHOCODAP'S

Bagaimanapun menurut Ticer Sarah, awan mendung itu telah lama berlalu. Segala krisis

yang melanda mereka telah pun berarak pergi. Ticer Sarah dan Farhan kini sudah mampu tersenyum bangga. Jika dulu sebelum bermula mereka tidak mampu hendak memiliki kediaman sendiri, tetapi kini semua impian itu telahpun mereka jadikan kenyataan.

"Kalau dulu bukan sahaja tidak mampu beli rumah sendiri, malah kami tiada wang simpanan. Nak belanja barang dapur pun kami terpaksa berkira-kira ikut bajet apatah lagi nak makan luar dengan keluarga."

"Kehidupan juga ketika itu hanya fokus untuk keluarga sendiri sahaja. Selepas bermula, Alhamdulillah bukan sahaja boleh beli rumah sendiri, rumah mak pun dapat beli, miliki kereta idaman, miliki simpanan untuk dilaburkan."

"Sekarang juga kami ada hampir 40 tenaga kerja, dua cawangan dan jualan produk juga mencecah lapan angka," ujarnya.

Mengulas pula mengenai pendapatan mereka hasil perniagaan Chocodap's, Ticer Sarah berkata, pada tahun 2020, jualan mereka sebanyak RM16.4 juta dan untuk tahun 2021 pula, berjaya mencecah RM19 juta.

Menurut Ticer Sarah, selain daripada nak capai impian, perkara yang terus mendorong mereka untuk bermula ialah apabila apabila menyaksikan ejen-ejen yang menyertai mereka datang dengan penuh harapan.

Kata beliau, setiap ejen tentunya mempunyai harapan dan impian yang sangat besar dan kami rasa bertanggungjawab membantu mereka.



## ANUGERAH DITERIMA CHOCODAP'S

- Pada 2020, Chocodap's menerima anugerah The BrandLaureate Best Brand's E-Branding.
- Alhamdulillah, jenama ini mendapat pengiktirafan daripada BrandLaureate World Halal Best Brand's E-Branding 2020.





## PESAN TICER SARAH & MOHAMAD FARHAN



**PERTAMA**, bagi bakal usahawan di luar sana, ilmu perniagaan perlu digali sebaiknya sebelum mereka mula memasuki dunia perniagaan dan adalah penting untuk mereka juga menggunakan platform yang tepat untuk membina empayar sendiri.

**KEDUA**, kami seru untuk bangsa usahawan serta program RichWorks dan dapatkan bimbingan Mentor Usahawan, Datuk Wira Dr. Azizan Osman. Ia sebenarnya adalah laluan paling pintas untuk bakal-bakal usahawan berjaya.

Ini kerana mereka akan diajar tentang cara mengukuhkan kewangan, cara menguruskan risiko kerugian dan cara untuk fokus dalam usaha meraih lebih banyak keuntungan, demi mencapai segala impian yang dicita-citakan


**KETIGA**, perlu fokus untuk kembangkan bisnes. Jangan lakukan bermacam-macam bisnes dalam satu masa sebaliknya fokus kepada satu.

**KEEMPAT**, Wajib berada dalam circle yang betul, yang mana dapat bantu jaga energy kita, sentiasa berfikiran positif dalam masa yang sama kita dapat tambah ilmu baru dari pengalaman mereka.

"Jika satu bisnes yang dibuat pun tak berjaya lagi, bagaimana pula anda nak buat macam-macam bisnes?," ujarnya.



RICHWORKS SIGNATURE PROGRAM



# BUSINESS META**M**RPHOSIS BOOTCAMP

BUSINESS | MARKETING | LEADERSHIP

**Formula Proven Success Results Hasil Bimbingan  
RichWorks Mentorship Telah Berjaya Lahirkan Lebih  
350 Usahawan Jutawan Pada Tahun 2020-2021.**

Program ini bukan untuk semua orang. Hanya untuk mereka yang ada perniagaan dan betul-betul serius nak dibimbing bina bisnes untuk capai matlamat nak Grow bisnes dalam tempoh masa 6-24 bulan.

3-5 JUN 2022

**DAFTAR SEKARANG!**

[richworks.com/bmb](http://richworks.com/bmb)





# INDUSTRI COKLAT MALAYSIA

## EKSPORT COKLAT MALAYSIA

Produk coklat buatan Malaysia diterima baik di luar negara dan menyumbang kepada sektor hiliran industri koko apabila nilai eksport produk itu menunjukkan peningkatan kepada RM650 juta setakat Ogos 2021.

Menteri Perusahaan Perlادangan dan Komoditi, Datuk Zuraida Kamaruddin berkata, perolehan nilai eksport coklat itu meningkat 11 peratus berbanding RM585.6 juta pada tempoh sama 2020.

Ketika ini, pasaran global coklat bernilai RM120 bilion dan Malaysia hanya mengeluarkan RM7 bilion produk semi koko manakala bagi produk coklat siap diproses adalah RM650 juta.

Dalam tempoh Januari hingga Ogos 2021, negara telah mengeksport coklat ke negara seperti China, India, Korea, dan Indonesia.

## MALAYSIA HUB COKLAT

Malaysia berpotensi menjadi hub coklat Asia pada masa depan bersandarkan perkembangan pemain industri produk berkenaan di negara ini yang semakin meluas dan berdaya maju.

Perkembangan kepada industri hiliran yang berdasarkan koko akan membantu petani koko mengupayakan hasilnya, disamping meningkatkan permintaan dalam pasaran tempatan.

Menurut Kementerian Perusahaan Perladangan

dan Komoditi pihaknya amat menyokong usaha memaju dan mengembangkan industri penjualan dan penghasilan coklat tempatan, memandangkan ia secara tidak langsung akan meningkatkan permintaan kepada komoditi koko.

## PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN COKLAT

Melihat kepada perkembangan industri coklat di negara ini, anda berminat nak jadi usahawan coklat?

Lembaga Koko Malaysia sebagai pusat penyelidikan koko yang utama di Malaysia menganjurkan Kursus Asas Pembangunan Usahawan Coklat Buatan Tangan bagi membangunkan usahawan perindustrian kecil dan sederhana (PKS) dalam industri coklat.

Kursus ini memberi pendedahan kepada peserta kursus mengenai pasaran coklat di Malaysia, jenis-jenis coklat, kebaikan coklat dan modal permulaan bagi menjadi usahawan coklat.

Selain itu, peserta akan didedahkan dengan kelas praktikal pembuatan coklat yang betul dan cara mengendali produk coklat.

Maklumat lanjut mengenai program lain melibatkan koko anda boleh ke laman sesawang Lembaga Koko Malaysia.

## MUZIUM COKLAT

Sebelum ini pasti kita pernah mendengar akan kehebatan Chocolate Museum di Brixton,

London, Chocolate Museum Vienna Austria, Muzium Hershey dan Chocolate Museum Cologne, Jerman di mana sudah pasti ramai penggemar coklat ingin ke sana.

Namun, di Malaysia sendiri terdapat sebuah muzium coklat yang cukup moden dan menarik untuk dikunjungi oleh penggemar-penggemar coklat yang sudah pasti membuat anda rambang mata.

Ini kerana Muzium Coklat yang terletak di Kota Damasara yang merupakan Muzium coklat pertama di Malaysia dan Asia.

Muzium ini memaparkan pelbagai info-info menarik mengenai coklat, iaitu cara pembuatan coklat di seluruh dunia, rahsia kehebatan dan khasiat coklat.

Apa yang menarik tentang muzium yang dibuka secara rasmi pada tahun 2014 ini, pengunjung yang tidak pernah memegang biji kopi atau koko, anda dapat berbuat demikian di sini.

Lebih menarik, anda akan dapat melihat sendiri bagaimana rupa raja koko Afrika selain dapat melihat replika mesin adunan coklat pertama di dunia yang telah dicipta pada 1879 oleh peneroka coklat antarabangsa, Swiss Chocolatier, Rodolphe Lindt.

Nak timba ilmu mengenai coklat dengan lebih banyak lagi jom datang ke Muzium ini selain anda boleh membeli-belah coklat kesukaan anda. ☺



INTENSIF  
**MAGNET**  
KEKAYAAN &  
KEJAYAAN

SEJAK 2009

# INTENSIF **MAGNET** KEKAYAAN & KEJAYAAN

*Jalan untuk berjaya*


**Program Intensif Magnet Kekayaan & Kejayaan**  
adalah program 3 hari dan merupakan satu-satunya  
program bertaraf antarabangsa yang diinspirasikan  
oleh MenThor Usahawan Jutawan #1 Asia  
Datuk Wira Dr Azizan Osman



**DAFTAR KEJAYAAN ANDA SEKARANG!**

[richworks.com/imkk](http://richworks.com/imkk)

# Eksklusif & Terhad!



## SOLUSI BISNES & PEMASARAN DIGITAL

Panduan & strategi yang PROVEN diguna pakai ketika krisis dan cabaran pada 2020 & 2021.

Ia boleh digunakan bagi bangsa usahawan untuk berdepan pelbagai cabaran hingga mampu BANGKIT semula.

Bukan sekadar teori, tetapi praktikal sebenar dilakukan di lapangan.

**REAL PEOPLE, REAL BUSINESS,  
REAL RESULTS!**

Hanya **10,000** naskah buku ini yang merupakan HADIAH dari Mentor Usahawan, Datuk Wira Dr Azizan Osman buat bangsa usahawan.

Kini hanya berbaki **2,000** lagi naskah untuk anda dapatkannya secara percuma selagi stok masih ada!

~~Harga Asal RM99.90 + Caj Penghantaran~~

~~Harga Promosi RM49.90 + Caj Penghantaran~~

**KINI ---> PERCUMA + Caj Penghantaran**



E-MAGAZINE  
UNTUK  
BANGSA  
USAHAWAN

RICHWORKS™  
THE TITAN

**PENAFIAN :** NASIHAT YANG DIBERIKAN DALAM MAJALAH INI MERUPAKAN NASIHAT SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA OBJKTIF, SITUASI KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA. SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI & KEPERLUAN MASING-MASING.